

28/08/2002

Strategi baru tarik FDI dalam Belanjawan 2003

GEORGETOWN, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengumumkan strategi baru untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI) ke negara ini ketika membentangkan Belanjawan 2003, bulan depan.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan perlu mengubah sedikit strateginya bagi menarik FDI masa akan datang, berikutan persaingan sengit daripada beberapa negara lain.

Katanya, kerajaan akan mendapatkan pandangan pelabur asing dan tempatan berhubung perkara itu bagi membolehkannya merangka strategi paling berkesan untuk menarik FDI.

"Kita akan terus mendengar pendapat pelabur tempatan dan asing, kerana kita sedar kita menghadapi persaingan sengit untuk menarik FDI. Mungkin kita tidak dapat menarik banyak FDI.

"Dengan itu, kita terpaksa mengubah sikit strategi kita. Strategi ini kita akan maklumkan apabila kita bentangkan Belanjawan," katanya selepas menyampaikan ucap tama di seminar 'Membangun Bersama Pulau Pinang' di Hotel Equatorial, di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Belanjawan 2003 akan dibentangkan oleh Dr Mahathir di Dewan Rakyat pada 20 September ini.

Ditanya strategi baru yang akan diperkenalkan itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mengenal pasti bidang pertumbuhan lain yang datang dari luar dan dalam negara.

"Kita kena pastikan apa juga yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan (negara), akan diberikan galakan yang sebaik mungkin oleh kerajaan. Kita juga kena cari jalan untuk bersaing, misalnya dari segi kadar bayaran kargo dan kecekapan pengendaliannya," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, secara keseluruhan pelabur asing masih mempunyai kepercayaan terhadap Malaysia, terutama berikutan kestabilan politik di negara ini dan dasar yang mesra perniagaan.

"Tidak ada perubahan yang tidak dijangka, tidak radikal. Kita selalunya mesra perniagaan," katanya.

Terdahulu, dalam ucap tamanya, Dr Mahathir berkata, dasar mesra perniagaan yang diamalkan kerajaan dengan mementingkan manfaat bagi kedua-dua pihak (kerajaan dan pelabur) ternyata berkesan dalam membangunkan sektor perindustrian.

Katanya, itu terbukti apabila Malaysia menjadi antara negara yang mempunyai sektor perindustrian paling maju di rantau ini dan dunia.